

**PEMBINAAN GRED RUJUKAN NORMA JANGKAUAN MELUNJUR  
UJIAN KECERGASAN FIZIKAL CALON GURU  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA**

*oleh*

*Aris Fazil Ujang (PhD), Ch'ng Swee Ghiam, Zarizi Ab Rahman (PhD)*

**ABSTRAK**

*Tujuan kajian ini adalah untuk membentuk Gred Rujukan Norma bagi ujian jangkauan melunjur yang merupakan salah satu ujian dalam bateri Ujian Kecergasan Fizikal. Kajian ini melibatkan sebanyak 14019 subjek (Lelaki= 4139, Perempuan= 9880) yang berumur antara 17 hingga 36 tahun (min=20.20; SD=3.9). Analisis ujian normaliti menggunakan penilaian skewness, kurtosis dan analisis Q-Q plot menunjukkan semua data adalah bertaburan normal. Analisis statistik dijalankan secara berasingan berdasarkan jantina dan kategori umur. Pembinaan Gred Rujukan Norma dalam kajian ini menggunakan kaedah min dan sisihan piawai. Min skor jangkauan melunjur kategori lelaki 17 hingga 20 tahun ( min = 35.86, SD = 7.0), 21 hingga 28 tahun (min = 34.22, SD = 7.4) 29 hingga 36 tahun (min = 32.92, SD = 7.3) manakala bagi kategori perempuan 17 hingga 20 tahun (min = 33.66, SD = 6.5), 21 hingga 28 tahun (min = 32.73, SD = 6.5), 29 hingga 36 tahun (min = 32.14, SD = 6.2). Berdasarkan min dan sisihan piawai, norma jangkauan melunjur bagi setiap kategori umur bagi lelaki dan perempuan telah dibentuk dan diklasifikasikan kepada lima tahap iaitu superior, cemerlang, baik, sederhana dan lemah. Norma yang dibentuk ini sesuai digunakan sebagai norma rujukan bagi Ujian Kecergasan Fizikal calon guru di Malaysia.*

*Kata kunci : Gred rujukan norma, jangkauan melunjur, kebolehppercayaan, kesahan.*